



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 6 TAHUN 2022**

**SEMUA PEMEGANG LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN
NEGERI SABAH & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

SURAT KUASA WAKIL PEMEGANG LESEN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen kenderaan perdagangan berhubung keputusan Mesyuarat Lembaga bilangan 4 tahun 2022 mengenai tatacara pelaksanaan penggunaan wakil atau ejen dalam menjalankan hak pemegang lesen.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah telah mengeluarkan garis panduan berhubung wakil atau ejen yang menjalankan hak pemegang lesen untuk berurusan di pejabat LPKP Sabah melalui Pekeliling bilangan 7 tahun 2015.
- 2.2 Pelaksanaan surat kuasa wakil ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan perundangan serta mewujudkan pangkalan data bagi wakil mahupun ejen pemegang lesen yang berdaftar di samping mengawal dan memantau urusan permohonan di pejabat bagi syarikat yang diwakili.

PEKELILING LPKP SABAH BILANGAN 6 TAHUN 2022

3.0 TATACARA PELAKSANAAN

- 3.1 Pemegang lesen boleh melantik wakil/ejen untuk berurusan di LPKP Sabah, namun perlu didaftarkan kerana wakil/ejen tersebut bukanlah pemegang lesen yang diberikan secara langsung;
- 3.2 Permohonan surat kuasa wakil (rujuk Lampiran) boleh dihantar berserta dokumen sokongan secara berasingan ataupun bersekali bagi sebarang urusan pelesenan melalui kaunter LPKP Sabah;
- 3.3 Fi permohonan akan dicaj sebanyak RM10 (Ringgit Malaysia Sepuluh sahaja) dan kelulusan adalah sebanyak RM30 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh sahaja) bagi setiap individu/syarikat yang diwakili;
- 3.4 Pemegang lesen yang melantik pekerja sendiri sebagai wakil hendaklah mengemukakan surat lantikan disertakan dengan salinan caruman KWSP dan PERKESO sebagai bukti;
- 3.5 Kelulusan surat kuasa wakil adalah bertempoh setahun;
- 3.6 Surat kuasa pekerja/wakil/ejen bagi pemegang lesen perlu ditunjukkan kepada petugas kaunter LPKP Sabah semasa berurusan bagi mengesahkan pekerja/wakil/ejen adalah sah berurusan bagi pihak pemegang lesen. Salinan surat kuasa pekerja/wakil/ejen juga perlu disertakan dalam permohonan tersebut.

4.0 PUNCA KUASA

Keputusan Mesyuarat Lembaga bilangan 4 tahun 2022 ini adalah selaras dengan Seksyen 39, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Kelulusan tidak akan diberikan kepada sebarang permohonan yang tidak mematuhi pekeliling ini.

PEKELILING LPKP SABAH BILANGAN 6 TAHUN 2022

5.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022. Pekeliling ini membatalkan Pekeliling bilangan 7 tahun 2015.

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(NORSIAH BINTI PATAH)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

29 APRIL 2022

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengangkutan
Setiausaha Bahagian Darat, Kementerian Pengangkutan

PEKELILING LPKP SABAH BILANGAN 6 TAHUN 2022

LAMPIRAN

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

Tuan/Puan,

PERMOHONAN MELANTIK WAKIL/EJEN SYARIKAT

Dengan hormat saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2) Saya _____ bernombor MyKad _____ selaku pemegang lesen bagi syarikat/individu _____ mengesahkan bahawa _____ MyKad bernombor _____ no. telefon _____ dilantik menjadi wakil/ejen kepada saya/syarikat saya untuk mengurus semua permohonan yang berkaitan di kaunter LPKP Sabah.

Pertimbangan dan kelulusan pihak tuan/puan berhubung perkara ini adalah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan Pengarah/Pemilik Syarikat

Nama :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Untuk Kegunaan Pejabat:

Tarikh Mula : _____

Tarikh Tamat : _____

Permohonan di atas adalah **Diluluskan / Tidak Diluluskan**

Pengarah
LPKP Sabah

Dokumen wajib:

- i. Salinan MyKad pekerja/ejen/wakil